

<b>MEDIA : Utusan Malaysia</b>	<b>TITLE : Scomi mahu tumpu perniagaan teras</b>
<b>COMPANY : Scomi Group Bhd</b>	<b>DATE : 17 August 2015</b>

# Scomi mahu tumpu perniagaan teras

Oleh **NUR HANANI AZMAN**  
 ekonomi@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 16 OGOS**

**S**COMI Group Bhd. akan terus menumpukan perniagaan teras unit perkhidmatan lapangan minyak yang merupakan penyumbang terbesar kepada perolehan kira-kira 70.2 peratus.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Shah Hakim Zain berkata, kumpulan memiliki buku tender lebih RM4.5 bilion bagi perkhidmatan tenaga dan RM10 bilion untuk penyelesaian pengangkutan.

Katanya, Scomi melihat pengurangan aktiviti penggerudian dalam kebanyakan pasaran, justeru memfokuskan kepada pasaran Asia Tenggara dan Asia Barat yang mempunyai permintaan tinggi serta tidak terjejas dengan penurunan harga minyak.

Ujar beliau, meskipun berdepan cabaran ketidaktentuan ekonomi global, kumpulan optimis pasaran di mana mereka beroperasi akan kekal memerlukan produk dan perkhidmatannya.

"Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016, Scomi menjangkakan perbelanjaan modal (capex) sebanyak RM186 juta yang bakal digunakan untuk semua segmen perniagaan.

"Kami mahu meningkatkan pegangan pasaran menerusi memperbanyakkan produk dengan menyediakan penyelesaian bersepadu kepada pelanggan," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui baru-



**Kami mahu meningkatkan pegangan pasaran menerusi memperbanyakkan produk dengan menyediakan penyelesaian bersepadu kepada pelanggan."**

**SHAH HAKIM ZAIN**  
 Ketua Pegawai Eksekutif Scomi

baru ini.

Buat masa ini, selain perkhidmatan tenaga sebagai penyumbang utama kepada perolehan Scomi, perkhidmatan marin menyumbang sebanyak 16 peratus dan penyelesaian pengangkutan kira-kira 13.8 peratus.

Mengenai prospek kumpulan pada separuh kedua 2015, Shah Hakim berkata, kumpulan tekad untuk mengekalkan prestasi terutamanya dengan memperkenalkan

teknologi berdasarkan grafen kepada rangkaian produk mereka yang pelbagai.

Menurut beliau, ujian awal bagi barisan produk baharu adalah positif dan Scomi telah menerima persetujuan daripada beberapa pelanggan.

"Oleh itu, kami merancang untuk memasarkan produk berkenaan lebih meluas terutamanya pasaran berpotensi yang disasarkan," katanya.



## MEDIA COVERAGE

<b>MEDIA : Utusan Malaysia Online</b>	<b>TITLE : Scomi mahu tumpu perniagaan teras</b>
<b>COMPANY : Scomi Group Bhd</b>	<b>DATE : 17 August2015</b>

KUALA LUMPUR 16 Ogos - Scomi Group Bhd. akan terus menumpukan perniagaan teras unit perkhidmatan lapangan minyak yang merupakan penyumbang terbesar kepada perolehan kira-kira 70.2 peratus.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Shah Hakim Zain berkata, kumpulan memiliki buku tender lebih RM4.5bilion bagi perkhidmatan tenaga dan RM10 bilion untuk penyelesaian pengangkutan.

Katanya, Scomi melihat pengurangan aktiviti penggerudian dalam kebanyakan pasaran, justeru memfokuskan kepada pasaran Asia Tenggara dan Asia Barat yang mempunyai permintaan tinggi serta tidak terjejas dengan penurunan harga minyak.

Ujar beliau, meskipun berdepan cabaran ketidaktentuan ekonomi global, kumpulan optimis pasaran di mana mereka beroperasi akan kekal memerlukan produk dan perkhidmatannya.

"Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016, Scomi menjangkakan perbelanjaan modal (capex) sebanyak RM186 juta yang bakal digunakan untuk semua segmen perniagaan.

"Kami mahu meningkatkan pegangan pasaran menerusi memperbanyakkan produk dengan menyediakan penyelesaian bersepadu kepada pelanggan," katanya kepada Utusan Malaysia ketika ditemui baru-baru ini.

Buat masa ini, selain perkhidmatan tenaga sebagai penyumbang utama kepada perolehan Scomi, perkhidmatan marin menyumbang sebanyak 16 peratus dan penyelesaian pengangkutan kira-kira 13.8 peratus.

Mengenai prospek kumpulan pada separuh kedua 2015, Shah Hakim berkata, kumpulan tekad untuk mengekalkan prestasi terutamanya dengan memperkenalkan teknologi berdasarkan grafin kepada rangkaian produk mereka yang pelbagai.

Menurut beliau, ujian awal bagi barisan produk baharu adalah positif dan Scomi telah menerima persetujuan daripada beberapa pelanggan.

“Oleh itu, kami merancang untuk memasarkan produk berkenaan lebih meluas terutamanya pasaran berpotensi yang disasarkan,” katanya.